

PERKASA mahu PEMANDU versi Melayu
Malaysiakini.com
Disember 28, 2010

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) menggesa kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang setara dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) bagi menangani agenda bumiputera.

Mendakwa unit kerajaan itu tidak berkesan menangani agenda itu, Pengerusi Biro Ekonomi PERKASA Zubir Harun (kiri) berkata, badan baru itu boleh memfokuskan kepada usaha meningkatkan kebajikan ekonomi kepada orang Melayu.

"Tiada komitmen daripada pelbagai agensi dalam pelan transformasi mereka," dakwanya.

Katanya, badan itu boleh dinamakan Unit perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Prestasi Ekonomi Bumiputera.

"Ketua pegawai eksekutifnya patut diberikan kedudukan menteri. Jika tidak, ia hanya menjawab kepada perdana menteri," kata Zubir yang juga naib presiden PERKASA.

Beliau juga menambah, kebanyakan makmal yang ditubuhkan bagi mengkaji kebajikan ekonomi bumiputera juga tidak berkesan setakat ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/151851>